



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

SIARAN MEDIA

PROJEK PEMBINAAN IBU PEJABAT POLIS DAERAH (IPD) MUALLIM, PERAK MEMPERKUKUH INFRASTRUKTUR KESELAMATAN NEGARA

1. MUALLIM, PERAK, 15 Oktober 2025 –YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Dalam Negeri bersama dengan YB Dato' Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya menyempurnakan Majlis Penyerahan Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muallim, Perak. Majlis ini menandakan satu lagi kejayaan penting dalam usaha Kerajaan MADANI untuk memperkukuh infrastruktur keselamatan negara, di samping memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara melalui penyediaan kemudahan penguatkuasaan yang moden, efisien dan berdaya tahan.
2. Projek ini mula dibina pada 27 Disember 2017 dan telah disiapkan sepenuhnya pada 30 Jun 2025, melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM85 juta. Projek ini dilaksanakan melalui kaedah konvensional dalaman secara dua fasa di atas tanah seluas 28.02 ekar, yang menempatkan bangunan pentadbiran utama, kuarters pegawai dan anggota, surau, dewan serba guna serta kemudahan infrastruktur sokongan lain.
3. Selain bangunan utama, projek ini turut dilengkapi dengan kemudahan 61 unit kuarters kediaman pelbagai kelas selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI untuk menjaga kebajikan anggota PDRM. Penyediaan kuarters yang selesa ini bukan sahaja memenuhi keperluan tempat tinggal, tetapi juga menyokong keseimbangan antara tugas dengan kehidupan keluarga, sekali gus memperkukuh semangat serta komitmen warga PDRM untuk terus berbakti kepada rakyat.

4. Projek ini turut menggunakan Sistem Binaan Berindustri (IBS) dengan skor melebihi 70%, bagi memastikan proses pembinaan yang lebih efisien, berkualiti tinggi dan selamat. Pendekatan ini sejajar dengan dasar kerajaan untuk memperluas penggunaan teknologi IBS dalam sektor pembinaan, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing dan menjamin mutu struktur bangunan yang lebih mampan. Sebagai komitmen kepada kelestarian alam sekitar, projek ini turut menerapkan reka bentuk cekap tenaga, menggunakan bahan binaan mesra alam, serta dilengkapi Sistem Penuaian Air Hujan (SPAHS) bagi menyokong amalan pembinaan hijau.
5. Projek Pembinaan IPD Muallim merupakan sebahagian daripada komitmen kerajaan bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) untuk memperkukuh pusat kawalan utama bagi semua aktiviti Polis Diraja Malaysia (PDRM) di daerah ini. Pembinaan IPD baharu ini turut meningkatkan imej daerah sebagai kawasan yang selamat, tersusun dan kondusif untuk pertumbuhan sosioekonomi setempat.
6. Pembinaan IPD Muallim memberikan impak besar kepada PDRM dan masyarakat setempat, khususnya untuk memperkukuh kesiapsiagaan pasukan keselamatan bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN). Dengan kemudahan moden dan lokasi strategik, IPD baharu ini akan menjadi pusat kawalan operasi utama bagi daerah Muallim, meningkatkan keberkesanan rondaan, penguatkuasaan dan khidmat masyarakat — seiring dengan aspirasi KDN Reformasi MADANI untuk mewujudkan persekitaran hidup yang selamat, harmoni dan inklusif.

7. KDN dan Kementerian Kerja Raya (KKR) sentiasa berkolaborasi untuk memastikan pembangunan infrastruktur keselamatan dilaksanakan secara bersepadu, berimpak tinggi dan berpaksikan rakyat. Sinergi ini mencerminkan iltizam Kerajaan MADANI bagi memastikan setiap projek fizikal turut memperkukuh aspek keselamatan, ketenteraman awam serta kesejahteraan komuniti tempatan. KDN dan KKR merakamkan penghargaan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia, pihak kontraktor dan semua agensi terlibat atas komitmen serta kerjasama padu demi menjayakan projek ini.

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI
KEMENTERIAN KERJA RAYA**

15 Oktober 2025

- TAMAT -

Pertanyaan Media:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Dalam Negeri
mediaukom@moha.gov.my | pro@moha.gov.my | 03-88800806/0807/0812